
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

BPT 302/3 - Penyakit Tanaman Tropika

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Industri tanaman tembikai telah meningkat hingga menjadi industri multijuta ringgit pertukaran asing pada tahun-tahun 90'an hingga sekarang. Walau bagaimanapun kebelakangan ini industri ini telah mula bermasalah, antaranya, adalah disebabkan penyakit-penyakit di peringkat ladang hinggalah ke peringkat lepas-tuai. Bincangkan penyakit-penyakit tersebut dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

(20 markah)

2. Dalam tahun-tahun 80'an, satu usaha untuk memperkembangkan tanaman jambu batu ke negeri Pahang telah gagal dilaksanakan. Benih-benih jambu batu tersebut dibekalkan oleh sebuah nursery dari Bidor, Perak. Setelah penyiasatan dilakukan, didapati pada bahagian akarnya telah diserang oleh sejenis organisma parasit bawaan tanah, yang membiak melalui telur. Namakan parasit tersebut, dan bincangkan simpomologi serta langkah-langkah kawalan yang berkesan.

(20 markah)

3. Bincangkan gejala dan kawalan sejenis penyakit yang serius terhadap pokok durian.

(20 markah)

4. Keadaan kebun yang semak samun sering didapati insiden penyakit yang tinggi. Daripada apa yang telah anda pelajari, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi insiden penyakit yang tinggi ini yang boleh dikaitkan dengan keadaan kebun yang semak samun. Bincangkan.

(20 markah)

[BPT 302/3]

5. Namakan tiga jenis penyakit akar yang terdapat pada pokok getah dan bincangkan satu daripadanya.

(20 markah)

6. Kebanyakan produk Pertanian didapati rosak ketika dalam setoran. Apakah tanaman dan penyakit-penyakit yang diasosiasikan dengan tempat-tempat setoran ini dan bagaimana cara pengawalannya.

(20 markah)

- ooo O ooo -